

**Perkembangan Pendidikan Di Bawah Pentadbiran
Majlis Amanah Rakyat (MARA), 1966-1990**

Abdul Halim Bin Mahmud

**Jabatan Sejarah
Fakulti Sastera dan Sains Sosial
Universiti Malaya
2002**

Perpustakaan Universiti Malaya



A510824950

Pengakuan

Penyelidikan ini dikemukakan bagi memenuhi keperluan
Penganugerahan Ijazah Sarjana Sastera
Kepada Fakulti Sastera dan Sains Sosial
Universiti Malaya

Saya akui bahawa hasil penyelidikan ini adalah hasil
penyelidikan saya sendiri kecuali nukilan atau ringkasan
yang telah saya nyatakan sumbernya.

Tandatangan:

Nama:

Tarikh:

Abdul Halim Bin Mahmud

27/06/02

LAGU MARA

MARA Pemegang
Amanah Bumiputera
Beri Galakan
Memajukan Usaha
Menjunjung Hasrat
Mencipta Bahagia
MARA Tetap Bersedia
Dan Rakyat Makmur Sentiasa
MARA Akan Sentiasa
Memberi Segala Dorongan
Menciptakan Kemakmuran
Rakyat Menjadi Tujuan
MARALah Maju
Wahai Rakyat Jelata
Maju MARA Maju JAYA
Negara Makmur Sentiasa

Untuk isteri "Ma" dan anak-anak
Ahmad Farid Nazmi, Ahmad Firdaus dan Ahmad Faiq

"Untuk memperolehi kejayaan bukanlah sesuatu yang mudah,
kejayaan akan datang bersama dengan usaha yang gigih,
pengorbanan masa dan tenaga"

Sekalung Budi,

Segala puji bagi Allah yang mencipta seluruh alam dan yang telah mengutuskan Nabi Muhammad S.A.W sebagai Rasul untuk membawa petunjuk kepada seluruh ummah manusia. Selawat dan salam disampaikan kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W.

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnianya, maka dapatlah saya menyiapkan penyelidikan ini dalam tempoh yang telah ditetapkan. Terima kasih tidak terhingga kepada penyelia saya, Prof. Dr. Abdullah Zakaria Ghazali yang teramat sudi untuk menyelia penyelidikan ini dan memberi buah fikiran yang amat berguna untuk menyiapkan penyelidikan ini. Kepada Prof. Dr., terima kasih dan hanya Allah yang dapat membalas jasa anda.

Kepada kakitangan Arkib, Pegawai Perpustakaan MARA, Pegawai Perpustakaan Universiti Malaya, Pegawai Perpustakaan Negara dan pensyarah serta kakitangan Jabatan Sejarah Universiti Malaya. Jasa anda semua amat dihargai, tanpa bantuan dan tolongan anda semua, tidak mungkin penyelidikan ini dapat disiapkan dengan sempurna.

Kepada MARA dan kakitangan ILHAM, terima kasih kerana memberi kesempatan kepada saya untuk melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana di Universiti Malaya. Tolongan dan bantuan anda semua, Insya Allah saya akan memperolehi kejayaan.

Untuk semua yang terlibat dalam penyelidikan ini, saya berdoa semoga anda berbahagia di dunia dan juga di akhirat. Mudahan-mudahan Allah S.W.T melimpahkan rahmat ke atas mereka semua. Kepada Allah, dipohonkan taufiq dan hidayah, wassalamu bikhair.

Abdul Halim Bin Mahmud (AGB 98012)
22 April 2001
Jabatan Sejarah
Universiti Malaya

Abstrak

Kongres Ekonomi Bumiputera telah mencetuskan penubuhan MARA, MARA menggantikan RIDA yang ditubuhkan di zaman penjajahan British. Tugas MARA ialah membimbing, mendorong dan membantu masyarakat Bumiputera terlibat secara giat dalam sektor perdagangan dan perindustrian. Untuk mencapai matlamat itu, MARA diberi peranan untuk memberi latihan kemahiran dan pendidikan moden kepada anak-anak Bumiputera.

Dalam tempoh penubuhannya dari tahun 1966 hingga 1990, peranan dan sumbangsan MARA amat besar dalam membangunkan masyarakat Bumiputera. Dalam tempoh tersebut, MARA berjaya melatih seramai 32,164 belia Bumiputera melalui sistem IKM, melatih seramai 7,655 pelatih Bumiputera di bawah program PGM. Dalam pada itu, MARA berjaya mengeluarkan seramai 15,744 pelajar cemerlang dalam bidang akademik di bawah sistem MRSMS. Bahagian Pelajaran Komersil pula berjaya mengeluarkan seramai 3,291 pelajar dalam kursus teknologi maklumat dan perakaunan. Di samping itu juga MARA berjaya menaja seramai 44,055 pelajar Bumiputera dalam pelbagai bidang kursus di institusi pengajian tinggi samada di dalam dan di luar negeri. Belia-belia yang mendapat bantuan dan tolongan MARA di atas adalah tenaga muda Bumiputera yang kini giat membangunkan negara mencapai wawasan 2020.

Bagaimanapun masalah hutang yang belum dijelaskan menghantui masa depan MARA, sehingga Ogos 1991, dilaporkan MARA masih belum dapat mengutip hutang

sejumlah RM380 juta daripada pelajar tajaannya dan usahawan Bumiputera yang dibantunya sejak ditubuhkan pada tahun 1966. Persoalannya, adakah masyarakat yang dibantunya tidak berterima kasih dengan MARA atau sememangnya sikap orang Melayu seperti 'kacang lupakan kulit' atau kesalahan MARA yang sentiasa berlembut dengan kelompok yang dibantunya. Perdana Menteri, Datuk Sri Dr.Mahathir Mohamed dalam hal ini pernah melahirkan rasa kekecewaan yang amat sangat dengan gelagat Bumiputera yang tidak bertanggungjawab. Perdana Menteri menyarankan kepada MARA supaya mengadakan kursus latihan etika kepada bakal peminjam samada dalam pendidikan atau perniagaan. Latihan etika ini dapat mengarapkan rasa tanggungjawab Bumiputera ke atas kemudahan yang dinikmati hasil bantuan MARA.

Secara keseluruhannya, MARA memainkan peranan dan sumbangan yang bermakna dalam meninggikan taraf hidup masyarakat Bumiputera. Jasa MARA ialah dapat mengisi lompong dan ruang kosong yang ditinggalkan oleh penjajah British. Di zaman penjajah British, orang Melayu diabaikan dalam aspek sosio-ekonomi sehingga mereka daif dalam semua aspek kehidupan. Justeru itu, MARA telah mengisi lompong itu dengan memberi sinar dan lembaran baru kepada masyarakat Bumiputera untuk maju di negara sendiri.

Abstract

MARA was established as a result of the Bumiputera Economic Congress. It replace RIDA which was set up during the colonial time under the British. The function of MARA is to guide, support and assist the Bumiputera Community to be actively involved in the fields of commerce and industry. In order to achieve these objectives, MARA has been given the tasks to provide skills training and modern education to young Bumiputera.

Since its establishment from 1966 until 1990. MARA has played a significant role and made great contribution towards the development of Bumiputera community. During that duration, MARA had succeeded in training 32,146 young Bumiputera through the IKM system and 7,655 Bumiputera apprentice under the PGM program. MARA had also succeeded in producing 15,744 excellent students in the academic arena through the MRSM system. Furthermore, Commercial Education Division had also successfully trained 3,291 students in the fields of information technology and accounting. In addition to that, MARA had also sponsored 44,055 Bumiputera students to further their studies in different courses in institutions of higher learning locally and overseas. The young Bumiputera who received assistance from MARA are the ones who are actively helping to develop the country to achieve vision 2020.

However, the problem of debt collection will continue to haunt MARA. As of August 1991, it was reported that MARA has been unable to collect RM380 million which was loaned to sponsor students and Bumiputera entrepreneurs who had been given financial assistance since the establishment of MARA in 1966. Is the Bumiputera community who had received help ungrateful or is it due to the claim that MARA had been too lenient with the loan defaulters? The Prime Minister had expressed his disappointment towards the Bumiputeras who are irresponsible to the extent that had requested MARA to conduct ethical courses for the future borrowers both in the education and commerce sectors with the hope that such ethical training can instill a sense of responsibility in Bumiputera.

On the whole, MARA had played an vital role and made significant contributions for the Bumiputeras in helping to develop their economy and raise their standard of living which was neglected under the British colonial rule. Under MARA, the community has been given a new lease of life to achieve progress in their own country.

Senarai Kandungan	Halaman
Judul	
Pengakuan	i
Dedikasi	ii
Sekalung Budi	iii
Abstrak	iv
Senarai Kandungan	viii
Senarai Jadual, Rajah dan Lampiran	ix
Pengenalan	1 - 11
Bab 1 : Kedudukan Orang Melayu Sebelum Merdeka	12 - 49
Bab 2 : Penubuhan MARA	50 - 105
Bab 3 : Institusi Pendidikan MARA	106 - 142
Bab 4 : Bahagian Latihan Kemahiran MARA	143 - 187
Bab 5 : Institut Teknologi MARA	188 - 216
Bab 6 : Bahagian Pengajuran MARA	217 - 248
Bab 7 : Pencapaian Pendidikan MARA	249 - 287
Bab 8 : Peranan Dan Sumbangan MARA Dalam Pendidikan	288 - 338
Bab 9 : Kesimpulan	339 - 345
Lampiran	346 - 363
Bibliografi	364 - 370

	Senarai Jadual	Halaman
Jadual 1	Kemasukan Pelajar-Pelajar Di Sekolah Inggeris Dalam Persekutuan Tanah Melayu	30
Jadual 2	Bilangan Sekolah-Sekolah Melayu Di Negeri-Negeri Selat, Negeri-Negeri Melayu Bersekutu Dan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu Dalam Tahun 1924, 1931 dan 1938	32
Jadual 3	Pinjaman Yang Diberikan Oleh RIDA Dari Tahun 1951-1964	64
Jadual 4	Pelatih Di Taman Asuhan RIDA Sehingga 1959	67
Jadual 5	Peruntukan Kewangan MARA Bagi Rancangan Malaysia Pertama Hingga Rancangan Malaysia Kelima (Belanja Mengurus)	93
Jadual 6	Belanja Pembangunan MARA Dalam RMK1-RMK5.	94
Jadual 7	Pecahan Kakitangan MARA 1990	95
Jadual 8	Kedudukan Jawatan Mengikut Bahagian 1990	96
Jadual 9	Bilangan Jawatan Yang Diluluskan Mengikut Tahun Dan Kumpulan	97
Jadual 10	Pinjaman/Pembangunan Perniagaan Yang Diluluskan Dari Tahun 1955-1990	99
Jadual 11	Pencapaian Fizikal Kursus Latihan Keusahawanan 1970-1990	101
Jadual 12	Pencapaian Fizikal Khidmat Nasihat & Perundingan	101
Jadual 13	Bilangan Projek/Unit Bangunan Perniagaan Yang Siap	103
Jadual 14	Pencapaian Fizikal Kenderaan Bas MARA Dari 1970-1990	104
Jadual 15	Lokasi MRSM Di Seluruh Malaysia Setakat 1994	116
Jadual 16	Matapelajaran Yang Diajar Di MRSM Pada Awal Penubuhannya	126
Jadual 17	Senarai Kursus Di MRSM	127
Jadual 18	Bilangan Pelajar MRSM Tahun 1978	132
Jadual 19	Analisa Keputusan SPM/MCE MRSM Kota Bharu Dan MRSM Seremban 1978	133

Jadual 20	Kedudukan Pelajar MRSM Mengikut Tempat Pada Tahun 1981	134
Jadual 21	Kedudukan Pelajar MRSM Mengikut Maktab Pada Tahun 1982	135
Jadual 22	Pengambilan Dan Pelajar Tamat Di MRSM Pada 1988	138
Jadual 23	Pengambilan Pelajar MRSM Pada Tahun 1989 Dan 1990	139
Jadual 24	Perkembangan Sistem Pendidikan MRSM	142
Jadual 25	Latihan Kemahiran Jentera 1966 Dan 1967	159
Jadual 26	Latihan Kemahiran Kajisawat Motor Anjuran MARA Pada Tahun 1966 Dan 1967	160
Jadual 27	Latihan Kemahiran Penyeliaan Anjuran MARA Pada Tahun 1966 Dan 1967	161
Jadual 28	Latihan Kemahiran Mengurus Perusahaan Anjuran MARA Tahun 1970 (Pelatih Baru Dalam Negeri)	162
Jadual 29	Pecahan Latihan Mengikut Kursus Anjuran MARA Pada Tahun 1970 (Pelatih Baru Dalam Negeri)	166
Jadual 30	Latihan Kemahiran Anjuran MARA 1971 Dan 1972	169
Jadual 31	Pembinaan IKM Dalam RMK2	169
Jadual 32	Latihan Jurutunjuk/Latihan Di Luar Dan Dalam Negeri Pada Tahun 1973	172
Jadual 33	Pengambilan Pelajar IKM Tahun 1973 Dan 1974	173
Jadual 34	Bilangan Pengambilan Dan Pengeluaran Pelatih IKM Bagi Tahun 1976	176
Jadual 35	Bilangan Pengambilan Dan Pengeluaran Pelatih IKM Tahun 1978	177
Jadual 36	Kedudukan Pelatih Anjuran MARA Pada Tahun 1980	179
Jadual 37	Pengambilan Pelatih Latihan Kemahiran 1981	180
Jadual 38	Pengambilan Dan Pengeluaran Pelatih IKM/IPM 1981	181
Jadual 39	Pengambilan Pelatih dan Pelatih Tamat 1982	182
Jadual 40	Kursus di IKM dan Pelajar Tamat Pada Tahun 1984	183
Jadual 41	Pengambilan Dan Pelajar Tamat di IPM Pada Tahun 1986	184
Jadual 42	Senarai Kursus Anjuran ITM Sehingga 1976	197
Jadual 43	Bilangan Penuntut ITM Dari Tahun 1956-1968	200
Jadual 44	Bilangan Penuntut ITM Pada Tahun 1971, 1972 dan 1973	206
Jadual 45	Institut Teknologi MARA Jumlah Pelajar Mengikut Kursus Dari Tahun 1976/1977-1979/1980	208
Jadual 46	Graduan ITM Dari Tahun 1964-1969	210
Jadual 47	Graduan ITM Dari Tahun 1971-1979	211
Jadual 48	Perkembangan Dalam Sistem Pelajaran Malaysia Barat 1965 Dari 1970	213
Jadual 49	Kemasukan Pelajar Ke Institusi Pengajian Tinggi 1970 dan 1975	215

Jadual 50	Pemberian Biasiswa Mengikut Tempat Kursus Pada Tahun 1967	221
Jadual 51	Pemberian Mengikut Kursus Pada Tahun 1968	224
Jadual 52	Unjuran Dan Pencapaian Sebenar 1971, 1972 dan 1973	231
Jadual 53	Pemberian Biasiswa Dan Pinjaman MARA 1976	235
Jadual 54	Taburan Penuntut Anjuran MARA Di Dalam Dan Luar Negeri Sehingga Tahun 1978	237
Jadual 55	Bilangan Pelajar Yang Tamat Pengajian Bagi tahun 1978	238
Jadual 56	Pencapaian MARA Pada Tahun 1979 Dalam Aspek Pendidikan	239
Jadual 57	Taburan Penuntut Anjuran MARA 1980	241
Jadual 58	Penuntut Anjuran MARA Tamat 1980	241
Jadual 59	Taburan Pelajar Anjuran MARA Pada Tahun 1981	243
Jadual 60	Kedudukan Pelajar Anjuran MARA Mengikut Jenis Kursus Setakat 31.12.1985	245
Jadual 61	Penganjuran MARA: Pemberian Dan Pelajar Tamat Dari Tahun 1981-1985	246
Jadual 62	Penganjuran MARA: Bilangan Pelajar Baru 1988	247
Jadual 63	Program Penganjuran Pelajaran MARA: Bilangan Pengambilan Pelajar RMK1	250
Jadual 64	Biasiswa Yang Dikeluarkan Oleh Kerajaan Pusat Dari 1946-1952	252
Jadual 65	Biasiswa Oleh Kerajaan Negeri-Negeri Dari Tahun 1946-1952	253
Jadual 66	Bilangan Pengambilan Pelajar RMK2 – RMK5	255
Jadual 67	Bahagian Penganjuran: Pemberian Biasiswa/Biasiswa Pinjaman 1971-1990	257
Jadual 68	Perbandingan Unjuran Dan Pencapaian Sebenar Biasiswa/Pinjaman Tahun 1971-1974	258
Jadual 69	Bahagian Penganjuran: Pemberian Biasiswa dan Biasiswa Pinjaman Dari Tahun 1981-1990	260
Jadual 70	Penganjuran MARA: Jumlah Penganjuran MARA Mengikut Kursus dari RMK1 – RMK5	262
Jadual 71	Pembahagian Penganjuran Berdasarkan Pendapatan Keluarga Pelajar	268
Jadual 72	Penganjuran Pelajaran Mengikut Penempatan Keluarga Pelajar	269
Jadual 73	Distribution Of MARA Sponsored Student Based On Family Monthly Income & Area Of Settlement	271
Jadual 74	Penganjuran MARA: Pelajar Tamat Dari Tahun 1966-1990	272
Jadual 75	Pembiayaan Pelajar Oleh Bahagian Penganjuran MARA Dari Tahun 1966-1990	274

Jadual 76	Pengambilan Pelajar MRSM Dari Tahun 1972-1990	278
Jadual 77	Latar belakang Keluarga Pelajar Mengikut Pekerjaan	280
Jadual 78	Keputusan SPM/MCE Pelajar MRSM 1976-1990	281
Jadual 79	Pengambilan Dan Pelajar Tamat Di IKM Dari Tahun 1971-1990	283
Jadual 80	Pengambilan Dan Pelajar Tamat Di Pusat Giat MARA Dari Tahun 1986-1990	285
Jadual 81	Perbelanjaan Program Pelajaran Komersial MARA Dari Tahun 1971-1990	287
Jadual 82	Pelajar MRSM Yang Berjaya	299
Jadual 83	Lepasan Pusa Giat MARA	302
Jadual 84	Lepasan IKM Dan Syarikat Tindikan	305
Jadual 85	Lepasan IKM Yang Berjaya	308
Jadual 86	Golongan Iktisas Pada Tahun 1970	314
Jadual 87	Akauntan Berdaftar Mengikut Etnik 1970, 1975, 1979, 1990 Dan 1995	317
Jadual 88	Arkitek Berdashtar Mengikut Etnik 1970, 1975, 1979, 1990 Dan 1995	319
Jadual 89	Doktor Perubatan Berdaftar Mengikut Etnik 1970, 1975, 1979, 1990 Dan 1995	320
Jadual 90	Doktor Perubatan Berdaftar Mengikut Etnik 1970, 1975, 1979, 1990 Dan 1995	320
Jadual 91	Doktor Veterina Berdaftar Mengikut Etnik 1970, 1975, 1979, 1990 dan 1995	321
Jadual 92	Juru Ukur Berdaftar Mengikut Etnik 1970, 1975, 1979, 1990 Dan 1995	322

Senarai Rajah

	Senarai Rajah	Halaman
Rajah 1	Struktur Organisasi MARA Pada Tahun 1966	85
Rajah 2	Struktur Organisasi MARA Pada Tahun 1987	88
Rajah 3	Struktur Pentadbiran Institusi Pendidikan MARA	108
Rajah 4	Carta Organisasi Bahagian Pelajaran Menengah	118
Rajah 5	Carta Organisasi MRSRM (1987)	119
Rajah 6	Carta Organisasi Bahagian Kemahiran MARA (1987)	152
Rajah 7	Carta Organisasi IKM (1987)	153
Rajah 8	Struktur Pentadbiran ITM	194
Rajah 9	Struktur Pentadbiran Bahagian Penganguran MARA	220

Senarai Foto

Senarai Foto	Judul	Halaman
Foto 1	Bangunan MARA	86
Foto 2	Bangunan MRSRM Seremban	114
Foto 3	Pelajar-pelajar MRSRM di bilik makmal	125
Foto 4	Institut Kemahiran MARA Melaka	148
Foto 5	Seorang pelatih IKM sedang menjalani latihan	157
Foto 6	Kompleks ITM	188
Foto 7	Graduan MARA	218

Senarai Lampiran

Lampiran	Judul
Lampiran 1	Extract From Federal Council Paper 10/1951
Lampiran 2	Usul Kongres Ekonomi Bumiputera Pertama Untuk MARA
Lampiran 3	Act Of Parlimen No. 20 Of 1966
Lampiran 4	Undang-Undang Malaysia Akta 210, Akta Majlis Amanah Rakyat (pindaan) 1973

Senarai Singkatan

ANSARA	Gabungan Persatuan Lepasan Pelajar Maktab Rendah Sains MARA (Anak Sains MARA)
AAD	<i>American Associate Degree</i>
AIM	Akademi Infotech MARA
BPM	Bahagian Pelajaran Menengah
Bil	Bilangan
CLC	Communities Liason Committee
DAP	<i>Democratic Action Party</i>
DEB	Dasar Ekonomi Baru
FAMA	<i>Federal Agricultural Marketing Authority</i>
FELDA	<i>Federal Land Development Authority</i>
FAO	<i>Food and Agricultural Organization</i>
FELCRA	Federal Land Consolidation and Rehabilitation
‘GCE’ O	<i>General Certificate of Education</i>
H.S.C.	<i>Higher School Certificate</i>
ITI	<i>Industry Training Institute</i>
IMF	<i>Internasional Money Fund</i>
IKM	Institut Kemahiran MARA
IPM	Institut Perdagangan MARA
ITM	Institut Teknologi MARA
ILHAM	Institut Latihan Kakitangan MARA

IMP	Independence Malayan Party
KMM	Kesatuan Melayu Muda
KBM	Kenderaan Bas MARA
KTAR	Kolej Tunku Abdul Rahman
LPP	Lembaga Pertubuhan Peladang
LPN	Lembaga Padi dan Beras Negara
LCCI	London Chamber of Commerce and Industry
LCE	Lower Certificate of Education
LKTM	Latihan Kemahiran Tinggi MARA
LLPPKK	Lembaga Latihan Perindustrian dan Ketukangan Kebangsaan
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MRSM	Maktab Rendah Sains MARA
MPSI	Maktab Perguruan Sultan Idris
MCS	<i>Malayan Civil Service</i>
MCKK	<i>Malay College Kuala Kangsar</i>
MCA	<i>Malayan Chinese Association</i>
MAGERAN	Majlis Gerakan Negara
MHSB	MARA Holding Sendirian Berhad
MCE	<i>Malaysian Certificate of Education</i>
MSM	Maktab Sains MARA
MKT	Majlis Kerja Tertinggi

MAS	<i>Malaysian Airline System</i>
PAS	Parti Islam Se Malaya (Pan-Malayan Islamic Party)
PAP	People's Progressive Party
PGM	Pusat Giat MARA
PWTC	<i>Putra World Trade Center</i>
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PNG	Purata Nilaian Gred
PMK	Penilaian Markah Keseluruhan
PMR	Penilaian Menengah Rendah
RIDA	Rural Industry Development Authority
RMK1	Rancangan Malaysia Pertama
RMK2	Rancangan Malaysia Kedua
RMK3	Rancangan Malaysia Ketiga
RMK4	Rancangan Malaysia Keempat
RMK5	Rancangan Malaysia Kelima
STP	Sijil Tinggi Persekolahan
SRP	Sijil Rendah Pelajaran
UMNO	<i>United Malayan National Organization</i>

PENGENALAN

Tahun 1965 ialah tahun yang membawa perubahan bersejarah bagi masyarakat Melayu dan Bumiputera¹ amnya. Ini kerana pada tahun tersebut telah diadakan Kongres Ekonomi Bumiputera yang pertama di Malaysia.² Kongres yang diadakan itu telah diberi mandat untuk membincang keadaan dan kedudukan ekonomi masyarakat Bumiputera serta mencadangkan penyelesaian masalah sosio-ekonomi masyarakat Bumiputera. Dalam kongres ini, satu usul yang dikemukakan oleh peserta ialah:

“Kongres menyokong hasrat kerajaan pusat untuk memperbaiki, memperkuuhkan modal dan memperkemaskan lagi pentadbiran RIDA. Kongres mencadangkan supaya nama RIDA diganti dengan nama MARA iaitu Majlis Amanah Rakyat”.³

¹ Masyarakat Bumiputera ialah orang Melayu, kaum pribumi di Semenanjung Malaysia dan kaum pribumi di Sabah dan Sarawak. Orang Melayu ditakrifkan oleh perkara 160(2) sebagai menganut agama Islam, mengamalkan adat istiadat Melayu, menggunakan bahasa pertuturan yang lazim bahasa Melayu dan menepati istilah Melayu menerusi perlombagaan Malaysia. Seorang Melayu sekalipun tidak menganut agama Islam tidak dianggap Melayu. Seseorang berketurunan Arab dan India beragama Islam, bertutur bahasa Melayu dan mengamalkan adat istiadat Melayu juga dianggap sebagai Melayu. Orang Melayu di Sabah dan di Sarawak, juga digolongkan sebagai Bumiputera mengikut fasal (6) perkara 161 A. Kaum Bumiputera di Sarawak ialah mereka yang dianggap orang Asli dan mereka bercampur dengan keturunan Asli. Kaum Bumiputera di Sabah ialah mereka yang berketurunan Asli dan dilahirkan di Sabah samada pada atau selepas hari merdeka atau bapanya pada lahirnya berdomosil di Sabah. Salleh Abas, *Perinsip Perlombagaan Dan Pemerintahan Di Malaysia*, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1977.

² Kongres Ekonomi Bumiputera yang pertama diadakan pada 5,6 dan 7 Jun 1965.

³ Kongres Ekonomi Bumiputera, “Usul-usul yang diterima pada mesyuarat Pleno”, 7 Jun 1965, P/KPNL dan lihat juga, *Penyata Tahunan MARA 1965*, hlm.1

Hasil daripada Kongres Ekonomi Bumiputera, Majlis Amanah Rakyat atau lebih dikenali dengan MARA telah ditubuhkan.

Dengan tertubuhnya MARA melalui desakan ahli kongres, maka Yang Amat Berhormat (Y.A.B) Timbalan Perdana Menteri Malaysia⁴ ketika itu, Tun Haji Abdul Razak Hussein menjelaskan:

“Melalui MARA, kerajaan akan memberi berbagai kemudahan dan bantuan yang diperlukan oleh rakyat supaya mereka dapat menjalankan peranan mereka dengan lebih cekap dan sempurna lagi di dalam jurusan pembangunan negara, khususnya dalam lapangan perniagaan dan perusahaan. Usaha MARA di dalam hal ini adalah meliputi semua aspek perniagaan dan perusahaan terutama sekali memberi latihan tertentu, bantuan modal, nasihat, pengetahuan teknik dan juga memula dan menjalankan perusahaan tertentu yang bakal diserahkan kepada rakyat apabila perusahaan itu berjalan dengan teratur”.⁵

Berdasarkan kata-kata yang diluahkan oleh Y.A.B Timbalan Perdana Menteri tersebut, betapa besarnya tanggungjawab yang dipikul oleh MARA dalam memajukan

⁴ Malaysia ditubuhkan pada 16 September 1965 ialah sebuah persekutuan yang terdiri daripada 11 buah negeri di Tanah Melayu, dua buah negeri Berneo iaitu Sabah dan Sarawak, dan Singapura. Mengikut Perjanjian Malaysia, Parlimen British akan meluluskan satu undang-undang untuk memberi kemerdekaan kepada Singapura, Sabah dan Sarawak dan setiap negeri akan mempunyai perlembagaan baru. Bagi pihak Persekutuan Tanah Melayu, Parlimen Persekutuan akan meluluskan satu undang-undang dipanggil Akta Malaysia. Akta Malaysia telah diluluskan pada 26 Ogos 1963, walaupun akta ini pada mulanya dijangka akan berkuatkuasa pada 31 Ogos 1963, tetapi disebabkan bantahan kerajaan Indonesia dan Filipina, kelahiran Malaysia ditangguhkan hingga 16 September 1963. Perhubungan antara kerajaan Persekutuan dengan Singapura menjadi renggang setelah terbentuknya Malaysia, akhirnya pada 9 Ogos 1965, Singapura telah keluar daripada Malaysia dan menjadi sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Lihat Akta No.29 tahun 1963 dan Salleh Abbas, *op.cit.*, hlm.25

⁵ MARA, *Kemajuan MARA*, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur, 1971, hlm. 1.

taraf hidup masyarakat Bumiputera.⁶ Justeru itu, dapatlah dikatakan Kongres Ekonomi Bumiputera yang pertama telah membuka lembaran baru⁷ dalam sejarah perjuangan orang Melayu dan Bumiputera yang lain. Kelahiran MARA bolehlah diibaratkan penjelmaan mentari pagi yang membawa sinar harapan kepada Bumiputera yang dahagakan kemajuan dan pembangunan.⁸ Bagaimanapun, amanah yang dipegang oleh MARA bukan sesuatu yang mudah, malah satu tanggungjawab yang berat. Sesiapa yang terlibat dengan MARA mestilah bersedia memegang tanggungjawab yang berat untuk memajukan masyarakat Bumiputera.⁹

Sejak dari penubuhan MARA pada tahun 1966 hingga ke tahun 1990, banyak peranan dan sumbangan MARA ke atas memajukan masyarakat Bumiputera dalam pelbagai aspek kehidupan. Media massa tempatan tidak jemu-jemu membincangkan

⁶ 61.2% penduduk Malaysia ialah Bumiputera, 30.0% orang Cina dan 8.2% orang India termasuk Sri Langka dan Pakistan dan 0.6% lain-lain bangsa. *Mid-Term Review Of The Fifth Malaysia Plan, 1986-1990*. Cetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1989, hlm.82.

⁷ Tun Abdul Razak menjelaskan dalam ucapannya pada 5 Jun 1965, " kita selalu mendengar pakar-pakar ekonomi berkata, jika berkehendakkan kemajuan dalam negeri kita, mustahak kita menggunakan kekayaan yang ada dalam negeri kita... akan tetapi pada fikiran saya, kalau kita berkehendakkan kejayaan dalam ekonomi, kekayaan dan kekuatan pertama sekali mesti digunakan ialah kekuatan tenaga rakyat... Lembaga baharu yang akan ditubuhkan ialah lembaga yang bertanggungjawab, mempunyai pengalaman dalam bidang ekonomi dan perniagaan dan orang-orang yang sebenar yang mempunyai semangat ingin kepada kemajuan dan semangat bersedia berkorban kerana bangsa dan negara". Ucapan Tun Abdul Razak di upacara perlentakan batu asas ibu pejabat RIDA, Kuala Lumpur, 5/6/1965 dalam *Ucapan Tun Abdul Razak Hussien 1965*. Arkib Negara, hlm. 65.

⁸ Kelahiran MARA ialah untuk menolong Bumiputera yang disifatkan sebagai kaum yang lemah dan belum maju, Akta MARA 1966 telah diwujudkan satu perbadanan yang dinamakan MARA (Majlis Amanah Rakyat). Melalui MARA, kerajaan terpaksa menceburkan diri dalam lapangan perusahaan untuk menolong kaum yang lemah ini, jika tidak; selama-lamanya kaum ini akan lemah dan bertambah mundur lagi. Salleh Abbas, *op.cit*,hlm.307.

⁹ Betapa besarnya harapan Tun Abdul Razak ke atas MARA boleh dilihat dalam ucapan beliau dalam Majlis Penutup Kongres Ekonomi Bumiputera Pertama. Tegas beliau "Langkah kita mengadakan kongres ini bolehlah dibandingkan sama dengan langkah Amerika melancarkan angkasawannya ke angkasa lepas, kerajaan dan kongres ini telah melancarkan angkasawan ke angkasa lepas ekonomi supaya dapat Bumiputera mengambil bahagian yang lebih penting dan akhirnya mendapat kejayaan dan kemakmuran yang kita kehendaki... kita lancarkan MARA ke angkasa lepas dengan penuh harapan bahawa kapal lepas kita itu dapat membawa kita kepada kesenangan dan kemakmuran". Ucapan Tun Abdul Razak Hussein dalam Kongres Ekonomi Bumiputera Pertama pada 7 Jun 1965. dalam. *Ucapan Tun Abdul Razak Hussien 1965*, Arkib Negara, hlm.76

aktiviti, sumbangan dan cabaran MARA dalam membantu masyarakat Bumiputera. Ini menunjukkan betapa rapatnya MARA dengan masyarakat yang dibantunya. Justeru itu, perlu ada satu kajian ilmiah mengenai organisasi tersebut, tambahan pula pada ketika ini; tidak banyak kajian mengenai peranan dan sumbangan MARA ke atas masyarakat Bumiputera. Walaupun begitu tidak dinafikan ada kajian dilakukan pada peringkat ijazah pertama, sarjana dan doktor falsafah. Maka tidak hairanlah Datuk Tajol Rosli¹⁰, Pengerusi MARA menjelaskan ... walaupun telah 15 tahun Dasar Ekonomi Baru (DEB) berjalan tetapi belum ada usaha dibuat untuk mengenalpasti sumbangan MARA terhadap pencapaian matlamat DEB.¹¹ Oleh kerana kekurangan kajian ke atas organisasi MARA, maka kesempatan ini diambil untuk mengkaji penglibatan MARA ke atas masyarakat Bumiputera terutamanya dari aspek pendidikan.

Dalam kajian ini, tumpuan akan diberikan terhadap aspek pendidikan yang merupakan salah satu peranan yang dimainkan oleh MARA dalam meninggikan taraf hidup masyarakat Bumiputera. Aspek pendidikan yang dipilih sebagai topik kajian kerana setakat ini tidak ada kajian yang dibuat dari persepektif sejarah. Di samping itu kebelakangan ini, isu-isu berkaitan dengan bidang ini sering dibangkitkan dalam media massa terutamanya mengenai masalah penajaan pelajar dan pembayaran balik biasiswa pinjaman. Masalah hutang yang belum selesai menghantui masa depan MARA. Sehingga Ogos 1991, dilaporkan MARA masih belum dapat mengutip hutang sejumlah

¹⁰ Datuk Tajol Rosli Ghazali ialah Pengerusi MARA dari 18 Ogos 1984 – 31 Ogos 1986.

¹¹ *Utusan Malaysia*, 23 Julai 1985.

\$386 juta daripada pelajar tajaannya dan usahawan Bumiputera yang dibantunya sejak ditubuhkan pada tahun 1966.¹²

Pada asasnya, tujuan kajian ini ialah untuk memberi sedikit gambaran umum tentang sejarah perkembangan MARA sejak ditubuhkan pada tahun 1966 – 1990. Penumpuan akan diberikan kepada objektif penubuhan MARA dan struktur pentadbirannya. Penulis berpendapat, objektif dan struktur pentadbiran merupakan asas kepada halatuju pencapaian matlamat MARA membantu meninggikan taraf hidup masyarakat Bumiputera.

Tujuan kedua kajian ini ialah untuk melihat perkembangan serta peranan dan sumbangan MARA dalam bidang pendidikan. Tujuan kajian ini amat sangat bersesuaian dengan konsep penubuhan MARA iaitu satu organisasi Bumiputera yang diamanahkan untuk membantu masyarakat Bumiputera dalam pelbagai aspek termasuk bantuan modal, bantuan biasiswa dan biasiswa pinjaman, dan bantuan khidmat nasihat. Walaupun banyak peranan yang dimainkan oleh MARA, namun pengkaji membataskan kajian hanya dari aspek pendidikan sahaja. Aspek pendidikan menjadi tumpuan kerana terdapat beberapa agensi pendidikan di bawah pentadbiran MARA. Antara agensi pendidikan di bawah pentadbiran MARA ialah MARA sebagai agensi penajaan biasiswa dan pinjaman, sebagai agensi pendidikan formal seperti penubuhan Institut Teknologi MARA (ITM), Maktab Rendah Sains MARA (MRSRM) dan pusat matrikulasi, sebagai agensi latihan kemahiran seperti penubuhan Institut Kemahiran MARA (IKM), Pusat Giat MARA

¹² *Utusan Malaysia*, 14 November 1991.

(PGM) dan Institut Perdagangan MARA (IPM). Tujuan kedua ini amat penting kerana pendidikan merupakan agen perubahan kepada masyarakat.

Tujuan kajian seterusnya ialah untuk melihat masalah-masalah yang dihadapi oleh MARA dalam melayani kumpulan sasarannya. Sebagai satu organisasi yang lahir untuk membantu sosio-ekonomi masyarakat Bumiputera, maka banyaklah halangan dan cabaran MARA terutama dalam melaksanakan matlamat DEB. Di samping itu kajian ini juga akan meneliti pandangan dan pendapat masyarakat umum mengenai peranan dan sumbangsan MARA dalam bidang pendidikan.

Tujuan keempat kajian ini ialah untuk melihat keberkesanannya program pendidikan anjuran MARA dalam usahanya melahirkan masyarakat Bumiputera berpendidikan dan berkemahiran dalam pelbagai bidang iktisas dan teknikal. Tujuan ini amat penting untuk melihat dan mengukur peranan MARA dalam memajukan masyarakat Bumiputera. Di samping melihat keberkesanannya program pendidikan MARA, kajian ini juga akan mengaitkan program pendidikan MARA dengan konsep pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat melalui dasar kerajaan iaitu DEB.

Kajian ini dibahagikan kepada dua fasa, fasa pertama ialah sebelum DEB iaitu dari tahun 1966 hingga 1970, manakala fasa kedua ialah semasa perlaksanaan DEB iaitu dari tahun 1971 hingga 1990. Pembahagian dua fasa ini kerana perancangan negara

telah berubah secara mendadak selepas berlakunya rusuhan kaum pada 13 Mei 1969.¹³

Tahun 1969 dititikberatkan kerana ia menjadi titik perubahan bermacam-macam dan berbagai-bagi yang dialami oleh ekonomi, pendidikan dan negara.¹⁴ Selain itu tahun 1990 dipilih sebagai tahun berakhirnya DEB.

¹³ Peristiwa 13 Mei 1969 menjadi pokok kepada perubahan besar dasar kerajaan. Peristiwa ini merupakan satu rusuhan kaum antara orang Melayu dengan orang Cina yang disertai juga oleh orang India yang berlaku di Kuala Lumpur pada malam 13 Mei berikutan pilihanraya umum yang ketiga. Dalam pilihanraya tersebut yang berlangsung pada 10 Mei 1969, Parti Perikatan kembali berkuasa tetapi dengan jumlah kerusi yang berkurangan di Parlimen. Di Semenanjung Malaysia, sebanyak 103 kerusi Parlimen ditandingkan (sebuah kerusi ditangguhkan pengundian kerana seorang calon telah meninggal dunia). Dari jumlah tersebut, Parti Perikatan memperolehi 66 kerusi (51 Melayu, 13 Cina dan 2 India) berbanding dengan 89 kerusi (59 Melayu, 27 Cina dan 3 India) dalam Parlimen yang lalu. Bagaimanapun, oleh kerana 10 orang calon Perikatan di Sabah telah menang tanpa bertanding, kerusi Perikatan dalam Parlimen yang baru ialah 76, yang merupakan satu majoriti. Dari 37 kerusi yang dimenangi oleh parti pembangkang, DAP memenangi 13 kerusi, Pas 12 kerusi, Gerakan 8 dan Parti Progresif Rakyat 4. Pengundian di Sabah dan Sarawak dijalankan secara berperingkat-peringkat (akibat kekacauan ini, pilihanraya di Sabah dan Sarawak ditangguhkan). Sokongan kepada Parti Perikatan juga merosot di peringkat Dewan Undangan Negeri. Sebelum pilihanraya, Parti Perikatan menguasai 10 Dewan Undangan Negeri di Semenanjung Malaysia tetapi selepas pilihanraya, ianya hanya menguasai 7 Dewan Undangan negeri sahaja.

Berikutnya pilihanraya itu, dua perarakan diadakan oleh parti pembangkang dan penyokong parti pemerintah bersiap sedia untuk berarak pada malam 13 Mei apabila kekacauan meletus. Keadaan di Kuala Lumpur sebenarnya telah tegang berikutan perarakan pengebumpian seorang ahli Parti Buruh yang ditembak mati oleh Polis dalam satu peristiwa di Kepong. Atas ketegangan yang ada, maka kejadian rusuhan kaum berlaku pada 13 Mei dan berakhir 6 hari kemudian. Menurut laporan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN 1969), 196 orang terbunuh sepanjang tempoh tersebut iaitu 25 orang Melayu, 143 orang Cina, 13 orang India dan 15 orang tidak dikenali. Sejumlah 9,143 orang telah ditangkap iaitu 2,077 orang Melayu, 5,126 orang Cina, 1,874 orang India dan 66 lain-lain. Sejumlah 5,361 orang didakwa di mahkamah kerana berbagai kesalahan termasuk melanggar perintah berkurung – 1,133 Melayu, 2,097 Cina dan 51 lain-lain. Kejadian 13 Mei ini memberi impak yang kuat terhadap kesetabilan politik di Malaysia. Lantaran itu, kerajaan pada masa itu telah mengambil langkah membina semula negara. Salah satu perancangannya ialah melancarkan DEB dengan matlamat membaiki kedua-dua kaum Melayu dan masyarakat Bumiputera dalam bidang ekonomi dan sosial.

¹⁴ Peristiwa 13 Mei 1969 telah menimbulkan kesalan dan sungutan di kalangan orang Melayu yang merasakan bahawa walaupun negara sudah merdeka, akan tetapi kedudukan mereka tidak juga berubah, malah sesetengah keadaan mereka lebih miskin dan dari segi ekonomi dan pendidikan, mereka tertinggal lebih jauh. Justeru itu untuk mengurangkan ketidakseimbangan ini, kerajaan telah merumuskan Dasar Ekonomi Baru (DEB) lihat Kertas Putih Perintah No. 28 tahun 1970 dan ucapan Tun Abdul Razak di Parlimen pada 12 Februari 1971, *Perbahasan Parlimen, Dewan Rakyat (Februari 1971 – Julai 1971)*, Jilid 1, Bahagian 12, hlm.627. lihat juga *Rancangan Malaysia Kedua, 1971-1975*, Cetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1971, hlm 1-6.

Menyentuh mengenai bidang kajian, kajian ini ingin melihat peranan dan sumbangan organisasi MARA dalam membantu masyarakat Bumiputera dalam aspek pendidikan. Bahagian pertama kajian ini, pengkaji akan menyentuh mengenai serba ringkas perjuangan orang Melayu memajukan bangsanya sehingga mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Bab ini juga menceritakan sepintas lalu mengenai keadaan ekonomi, sosial dan pendidikan orang Melayu sehingga tercetusnya MARA di zaman merdeka. Pembaca dapat melihat betapa pentingnya MARA dalam melaksanakan amanah perjuangan orang Melayu sebelum kemerdekaan.

Bahagian kedua kajian ini akan difokuskan kepada huraian mengenai latarbelakang sejarah penubuhan MARA. Bahagian ini akan menyentuh aspek-aspek seperti penubuhan RIDA dan seterusnya MARA. Pengkaji akan menyentuh mengenai sejarah perkembangan pentadbiran pendidikan MARA dari tahun 1966 hingga tahun 1990. Huraian dalam bahagian ini menjadi pengenalan kepada pembaca untuk mengetahui sejarah perkembangan pendidikan MARA dengan bermulanya penubuhan Dewan Latihan RIDA yang kini dikenali dengan nama Universiti Teknologi MARA (UiTM), penubuhan IKM dan seterusnya penubuhan MRSM.

Bahagian ketiga pula, dihuraikan peranan dan sumbangan MARA dalam bidang pendidikan. Antara aspek yang ditekankan ialah rancangan pemberian biasiswa dan pinjaman pelajaran serta rancangan latihan kemahiran yang dianjurkan oleh MARA. Di samping itu tumpuan juga diberikan terhadap peranan dan sumbangan institusi pendidikan MARA seperti IKM, MRSM, IPM dan juga ITM (setakat 1976). Dalam bab

ini juga akan disentuh masalah yang dihadapi oleh MARA, terutamanya masalah pembiayaan biasiswa, masalah penempatan dan juga masalah pembayaran balik hutang pelajar tajaannya.

Bagi mendapatkan maklumat dan fakta-fakta untuk kajian ini, beberapa kaedah kajian digunakan iaitu rujukan perpustakaan, temubual dan penyelidikan ke atas dokumen. Oleh kerana tempoh kajian mengambil jarak yang panjang iaitu dari tahun 1966 hingga tahun 1990, maka pengkaji menggunakan kaedah pencarian dokumen berkaitan dengan tajuk yang dikaji. Dokumen yang berkaitan ialah Laporan Tahunan MARA, Laporan Parlimen, keratan akhbar dan surat-surat peribadi serta fail-fail jabatan. Dokumen ini amat penting kerana dokumen ini adalah sejarah tersembunyi dan sumber pertama kepada organisasi MARA.

Kajian ilmiah mengenai MARA tidak banyak dijalankan pada peringkat ijazah pertama, sarjana dan doktor falsafah. Walaupun begitu hasil kajian tersebut amat bermakna untuk melihat peranan MARA dan sumbangan MARA dalam membantu meninggikan taraf hidup masyarakat Bumiputera. Antara pengkaji yang mengkaji organisasi MARA ialah Sharifah Sidah bt Syed Alwi. Beliau mengkaji peranan Bahagian Pinjaman MARA dalam memajukan usahawan Bumiputera. Daripada hasil kajian ini, MARA banyak membantu Bumiputera dalam memajukan perniagaan dan perusahaan terutama dalam pinjaman modal. Hasil kajian beliau menunjukkan Bahagian Pinjaman MARA adalah lebih baik jika dibandingkan dengan institusi kewangan yang lain. Ini disebabkan kadar feadah yang dikenakan oleh MARA adalah lebih rendah dan MARA

amat bertolak ansur terhadap peminjam wangnya dalam membayar ansuran bulanan yang lebih rendah daripada yang sepatutnya tanpa mengenakan sebarang tambahan kadar faedah seperti yang dikenakan oleh institusi kewangan yang lain.¹⁵

Pengkaji lain yang mengkaji organisasi MARA ialah Sia Wee Ting,¹⁶ Mazlina Adnan,¹⁷ Samihah Khalil Halim,¹⁸ dan beberapa pengkaji lain. Semua pengkaji di atas tidak melihat peranan MARA dari perspektif sejarah. Misalnya Sia Wee Ting melihat MARA dari sudut kaedah pembelajaran dan pengajaran di Maktab Rendah Sains MARA. Mazlina Adnan pula membuat kajian ke atas usahawan MARA dari kacamata pengajian Islam dan Samihah Khalil Halim menggunakan perspektif ekonomi dalam melihat MARA sebuah organisasi perniagaan.

Sepanjang yang diketahui sehingga kini belum ada terdapat penulisan yang dibuat secara khusus terhadap sejarah penubuhan dan perkembangan pendidikan di bawah pentadbiran Majlis Amanah Rakyat. Oleh itu kajian mengenai organisasi MARA khususnya dalam aspek pendidikan ini diharap dapat menyentuh sepantas lalu mengenai peranan dan sumbangan organisasi tersebut, selain daripada itu, kajian ini dapat memenuhi ruang kosong yang berbentuk sejarah mengenai MARA dan sekaligus membincangkan peranan dan sumbangan MARA sebagai organisasi Bumiputera di akhir

¹⁵ Sharifah Sidah Bt. Syed Alwi, "Peranan Bahagian Pinjaman MARA Ke Arah Memajukan Usahawan Bumiputera", *Latihan Ilmiah*, Fakulti Ekonomi Dan Pentadbiran, Sessi 1985/1986, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

¹⁶ Lihat Sia Wee Ting, "Stail Belajar Di Kalangan Pelajar MRSM" *Latihan Ilmiah* (Sarjana Pendidikan), Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

¹⁷ Lihat Mazlina Adnan, "Peranan Majlis Amanah Rakyat (MARA) Dalam Mewujudkan Usahawan Berkualiti", *Latihan Ilmiah*, Akademi Pengajian Islam, Sessi 1994/95, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

¹⁸ Lihat Samihah Khalil Halim, "Perniagaan Francais Di Malaysia, Satu Kajian Terhadap Usaha-Usaha MARA", *Latihan Ilmiah*, Fakulti Ekonomi Dan Pentadbiran, Sessi 1988/89, Universiti Malaya, K. Lumpur

abad ke-20. Semoga dengan kajian ini, masyarakat Bumiputera dapat membaiki kelemahan yang ada untuk menghadapi alaf baru abad ke-21.